

# Dari Ponzi ke Pak Man Telo



DUNIA  
BAHARU 2022  
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Pendapatan beratus, malah beribu ringgit sejam pun apa maknanya kalau terpaksa bekerja? Terpaksa perah otak, tengok itu tengok ini, melayan karenah bermacam orang, fikir tentang pekerja, bermesyuarat, jawab panggilan dan serba macam lagi sehingga makan minum tidak menentu. Isteri lama-lama sekali jumpa, manakala anak-anak pula se-takat cam suara tapi tak cam rupa.

Itu bukan hidup yang ideal. Hidup yang ideal adalah hidup tanpa perlu bekerja, goyang kaki sahaja, bersenang-senang, tetapi pada masa yang sama wang mencurah-curah masuk ke akaun. Gunalah sebanyak mana pun wang itu, ia tidak akan habis sebaliknya akan terus bertambah dan bertambah.

Mengimpikan kehidupan begitu bukanlah perkara baharu. Ia wujud lama sebelum muncul hikayat Aladdin dan lampu ajaibnya. Sejak zaman dahulu telah ada kisah bomoh-bomoh yang kononnya boleh menggandakan harta dan wang ringgit. Cerita tentang kejayaannya saya tidak pasti tetapi cerita ten-

tang bomoh hilang ghaib berserta harta yang hendak digandakan memang pernah saya dengar.

Kira-kira 100 tahun dahulu, Amerika Utara digemparkan dengan satu skim pelaburan yang diperkenalkan seorang lelaki asal Itali bernama Charles Ponzi. Skim itu menawarkan keuntungan 50 peratus kepada pelabur dalam tempoh 45 hari atau 100 peratus dalam tempoh 90 hari. Maka menitik-nitiklah air liur puak yang hendak cepat kaya tanpa perlu berbuat apa-apa. Masing-masing berlumba melabur, kemudian membilang hari untuk menanti waktu menuai hasilnya.

Kerana skim itu tidak disokong oleh apa-apa perniagaan, sebaliknya keuntungan dibayar kepada pelabur awal dengan menggunakan wang pelabur baharu, akhirnya dalam masa setahun ia ranap dengan melibatkan kerugian \$20 juta (kira-kira \$296 juta mengikut nilai masa kini).

Taiping pada tahun 1980-an pernah mendapat jolokan 'bandar pelaburan' apabila ia menjadi tumpuan pelabur-pelabur skim cepat kaya Pak Man Telo. Saya masih budak-budak ketika itu, tetapi saya dapat mendengar di mana-mana orang bercakap tentang skim tersebut. Pulangannya luar biasa, 10 hingga 12 peratus sebulan. George Soros pun tak mampu bagi.

Mengikut ceritanya, arwah Pak Man Telo memulakan skim itu sejak awal

“

Taiping pada tahun 1980-an pernah mendapat jolokan 'bandar pelaburan' apabila ia menjadi tumpuan pelabur-pelabur skim cepat kaya Pak Man Telo. Saya masih budak-budak ketika itu, tetapi saya dapat mendengar di mana-mana orang bercakap tentang skim tersebut.”

1970-an dan dia tidak pernah gagal membayar pulangan yang dijanjikan. Ini menyebabkan ramai orang lebih tertarik untuk melabur dan jumlah pelaburan menjadi semakin banyak. Bukan setakat mengorek simpanan, ada yang sanggup bergolok gadai bagi mendapatkan modal pelaburan.

Waktu itu khabarnya ramai betul orang senang. Tidak perlu buat apa-apa. Duduk kedai kopi sambil mengira duit masuk. Anak merengek, bawa ke kedai motor. Isteri merungut, bawa ke kedai emas.

Tetapi seperti skim Ponzi, skim Pak Man Telo akhirnya lingkup. Lebih 50,000 orang pelabur dilaporkan lebur. Riuhi rendah negara ketika itu. Yang bercerai-

berai, yang jual BMW beli BMX, yang 'skru longgar', yang 'wayar putus' semuanya menjadi bahan cerita di mana-mana.

Serik? Tidak. Skim Ponzi dan Pak Man Telo hanyalah secebis daripada jutaan kisah lain seumpamanya yang berlaku di seluruh dunia. Ia tidak memilih bangsa dan masa.

Sejak dahulu kes-kes begitu tidak pernah berkurangan sedikit pun. Malah kini dalam dunia baharu yang canggih-manggih ini, skim seperti itu menjadi berkali ganda lebih banyak dengan bentuk, wajah, nama dan pendekatan yang amat pelbagai. Ia berada di mana-mana dan bersedia menjerat sesiapa sahaja pada bila-bila masa.

Mereka tidak memilih mangsa. Sama ada anda si lurus bendul yang percaya pelaburan RM100 boleh memberi pulangan RM1,000 dalam masa sejam dua, atau si bijak pandai yang yakin kekasih siber anda benar-benar anak Jeff Bezos, peluang untuk anda termasuk jerat sama sahaja selagi anda berpegang pada dua perkara iaitu haloba dan nak senang dengan cara senang.

Selayaknya pun orang macam anda dijerut oleh jerat itu. Hidup pun tak menguntungkan bangsa. #dush!

\* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.

# Melayu semangat kerana bangsanya



MAAF  
CAKAP  
NORDEN MOHAMED

1 Muharram 1444 Hijrah, bersamaan Sabtu 30 Julai 2022 berlangsung Hari Peradaban Bangsa Melayu di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Ia adalah sebuah majlis yang amat signifikan kerana mengetengahkan peradaban Melayu kepada khalayak khususnya kepada orang Melayu sendiri.

Melayu kental kerana agamanya. Melayu bersemangat kerana bangsanya. Hal-hal agama memang sentiasa ditiup ke jiwa mereka melalui pelbagai pendekatan. Mereka bersolat, menghadiri majlis, malah sentiasa menjaga batas kehidupan dalam berpakaian dan juga pemakanan mereka dalam kehidupan seharian.

Sebaliknya, sebagai Melayu, kehidupan mereka sudah bercampur baur dengan pelbagai budaya lain. Mereka bercakap menggunakan bahasa yang bercampur-campur, hanya berbaju

Melayu pada hari raya, makanan kegemaran mereka tidak semestinya masakan Melayu meskipun halal.

Dan, jarang-jarang sekali diperingatkan bahawa mereka adalah Melayu yang pernah menjadi bangsa agung di Nusantara. Apakah dalam sehari telinganya ada terdengar perkataan 'Melayu' itu sendiri? Dalam seminggu pun, belum tentu perkataan itu melintas di skrin telefon mereka.

Akibatnya, perkataan 'Melayu' semakin asing daripada perbendaharaan kata mereka. Inilah yang menjadikan terdapat dalam kalangan orang Melayu yang malu mengaku Melayu, tidak yakin mempertahankan hak, malah turut bertepuk tangan bila orang lain mempersembahkan bangsanya melalui persembahan pentas seperti yang terjadi baru-baru ini.

Difahamkan, Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (Pembela) sebagai pertubuhan penganjur memfokuskan temasya itu kepada kebudayaan dan kesenian. Molek sangat seandainya kebudayaan dan kesenian dipersembahkan bukan sekadar budaya visual semata-mata untuk tontonan para pelancong.

Sebaliknya, program itu harus di-sasar untuk orang Melayu sendiri. Inti

acara yang dipertontonkan harus terhunjam jauh ke dasar hati orang Melayu agar temasya itu menjadi sesuatu yang akan diingat dan dinanti-nantikan.

Untuk itu, kebudayaan dan kesenian yang dipersembahkan bukan semata-mata seni pembuatan pakaian, kraf, persenjataan dan juga seni silat. Tetapi yang boleh menjadi makna mendalam buat orang Melayu ialah memperkenalkan semula seni pembuatan senjata, seni bina termasuk pembinaan kapal.

Orang Melayu yang ada, yang mahir dalam pembuatan senjata seperti keris, lembing, badik dan sebagainya harus mempamerkan kemahiran seni dan juga teknologi pembuatan. Bagaimana pula seni bina warisan rumah Melayu yang pelbagai jenis boleh didirikan hingga tahan berpuluh tahun lamanya? Ada ramai orang Melayu yang mahir. Kemahiran mereka harus diketengahkan. Ilmu mereka wajib diwarisi.

Begitu juga seandainya dapat dikumpulkan mereka yang pandai membina kapal, mereka yang berkemahiran itu boleh dipanggil menunjukkan kemahiran mereka. Adakan bengkel mempelajari seni pembuatan kapal dengan matlamat untuk membina kembali sebuah kapal Mendam Berahi, tetapi yang hybrid menggunakan layar dan juga

enjin.

Adalah molek sekiranya pihak pemerintah mahu menjadikan Hari Peradaban Bangsa Melayu sebagai salah sebuah program di dalam kalendar pelancongannya. Namun, jika ia tidak kesampaian, Pembela sendiri harus kekal mengendalikan program ini 'dengan atau tanpa bantuan kerajaan' kerana bangsa Melayu sendiri harus membela bangsanya.

Apabila ia dirancang dengan tersusun, dipikul oleh lebih banyak pihak dan dihebah serta dihebohkan secara meluas seantero negara, Hari Peradaban Bangsa Melayu boleh menjadi satu-satunya program besar yang dianjurkan di setiap negeri, malah ke setiap daerah hingga menjadi seolah-olah Hari Raya Melayu.

Jangan risau tentang sambutan. Orang Melayu akan menyahutnya. Perhimpunan membantah ICERD pada tahun 2018 telah membuktikan bahawa orang Melayu hanya menanti semboyan untuk bangkit.

DNA Melayu memang tertanam di dasar hati mereka. Seru sahaja.

\* Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian